

UPM bantu Naziatul Azlin

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) ingin merujuk Kisah Sedih Peminjam PTPTN, Cik Naziatul Azlin Ibrahim, melalui *Forum Utusan Malaysia* bertarikh 21 April 2009.

Susulan daripada kisah sedih tersebut, UPM ingin memaklumkan bahawa Cik Naziatul Azlin Ibrahim pernah memohon bantuan zakat di bawah pentadbiran Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM.

Berdasarkan latar belakang keluarga, beliau dikenal pasti sebagai pelajar yang tidak berkemampuan.

Justeru, UPM telah memberi bantuan berjumlah RM1,600, iaitu bantuan yuran pengajian RM1,000 dan bantuan sara hidup RM600. Bantuan kewangan tersebut telah diterima oleh beliau pada 3 Mac 2009.

Memandangkan beliau masih belum mendapat pinjaman PTP-TN sebagaimana dilaporkan dalam akhbar tersebut, UPM sekali lagi memberi bantuan melalui peruntukan Tabung Kebajikan Pelajar berjumlah RM400 iaitu wang tunai RM100, peruntukan 'Meal

Plan' RM100 dan sebanyak RM200 dimasukkan ke dalam akaun beliau.

Sehingga kini beliau telah menerima bantuan daripada UPM berjumlah RM2,000. Semoga dengan bantuan tersebut dapat mengurangkan masalah kewangan yang dihadapi beliau sementara menunggu bantuan pinjaman daripada PTPTN.

ABDULLAH ARSHAD

Ketua, Bahagian Komunikasi

Korporat, UPM, Serdang

U. MALAYSIA 23/4/09.